

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, MELAKA

BIL. 1/2021

PINDAAN SYARAT-SYARAT UNTUK MENYOKONG KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PELAN KEBENARAN MERANCANG (KM) UNTUK PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 204D, KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828] (PENYERAHAN BALIK DAN PEMBERIMILIKAN SEMULA) YANG TERLIBAT DENGAN URUSAN PENGAMBILAN TANAH DI BAWAH AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 [AKTA 486]

1) TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka mengenai pindaan syarat-syarat untuk menyokong kelulusan bagi permohonan Pelan Kebenaran Merancang (KM) untuk pembangunan tanah di bawah Seksyen 204D, Kanun Tanah Negara [Akta 828] (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) yang melibatkan urusan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] dengan **tujuan penyediaan infrastruktur bagi projek pembangunan (Contoh : *penyediaan jalan, simpanan parit dan lain-lain kemudahan infrastruktur*)**.

2) PEMAKAIAN

2.1 Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Tanah Negeri Melaka Bil.2/2021 yang bersidang pada 3 Mei 2021 bersetuju supaya syarat-syarat yang ditetapkan melalui **Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Melaka Bil.2/2020** ditambahbaik seperti berikut :

- i. Pejabat Tanah dan Galian serta Pentadbir Tanah boleh memberikan sokongan bagi kelulusan permohonan pelan Kebenaran Merancang (KM) yang terlibat dengan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] bagi tujuan penyediaan infrastuktur projek berkaitan sahaja berdasarkan peringkat-peringkat sokongan seperti di **Jadual I**.

Jadual I : Peringkat Sokongan Pentadbir Tanah

BIL.	PERINGKAT SOKONGAN	PERIHAL KELULUSAN	STATUS PENGAMBILAN TANAH	SYARAT SOKONGAN PENTADBIR TANAH
1.	Peringkat 1	Permohonan Kebenaran Merancang (KM) di Pusat Setempat (OSC), PBT.	Ada	<p>Tiada halangan dengan syarat.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut :</p> <p>a) Resit Bayaran <i>Fi</i>.</p> <p>b) Resit Bayaran 50% Deposit di bawah Seksyen 3(3) APT 1960.</p>
			Tiada	Tiada halangan tertakluk kepada permohonan
2.	Peringkat 2	Permohonan Notifikasi Mula Kerja Binaan (Borang B) di Pusat Setempat (OSC), PBT.	Ada	<p>Tiada halangan dengan syarat.</p> <p>Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut :</p> <p>a) Resit Bayaran baki 75% Deposit di bawah Seksyen 3(3) APT 1960.</p> <p>b) Surat Aku Janji (pemohon akan bertanggungjawab menyelesaikan proses pengambilan tanah sehingga pengeluaran hakmilik sambungan).</p>
			Tiada	Tiada halangan tertakluk kepada permohonan

BIL.	PERINGKAT SOKONGAN	PERIHAL KELULUSAN	STATUS PENGAMBILAN TANAH	SYARAT SOKONGAN PENTADBIR TANAH
3.	Peringkat 3	Permohonan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di Pusat Setempat (OSC) bagi kelulusan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).	Ada	Tiada halangan dengan syarat. Pemohon perlu mengemukakan Resit Bayaran Caruman kepada Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) bagi tujuan pengeluaran hakmilik sambungan yang dikeluarkan di bawah Seksyen 26, APT 1960.
			Tiada	Tiada halangan tertakluk kepada permohonan

- ii. Untuk tujuan pematuhan urusan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486], Pentadbir Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan dokumen syarat sokongan dikemukakan oleh pemaju/pemohon semasa di peringkat (1), (2), dan (3) seperti di **Jadual I** dipatuhi.

2.2 Arahannya ini hanya **terpakai bagi urusan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] bagi pembangunan tanah yang melibatkan penyediaan infrastruktur** pembangunan projek di bawah Seksyen 204D Kanun Tanah Negara [Akta 828].

2.3 Sekiranya urusan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] **tidak berkaitan dengan penyediaan infrastuktur** bagi projek pembangunan berkenaan, maka syarat-syarat sokongan di **Jadual I adalah tidak terpakai**. Sehubungan itu, pemohon hendaklah menyelesaikan urusan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] sehingga pengeluaran hakmilik sambungan.


2.4 Arahan ini terpakai kepada setiap permohonan Pelan Kebenaran Merancang (KM) yang diterima di kaunter Pusat Setempat (OSC), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Melaka yang masih belum diberi kelulusan oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC), Pihak Berkuasa Tempatan.

3) TARIKH KUATKUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa serta merta.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MD AZHAN BIN SAMAT)
~~Pengarah Tanah dan Galian~~
Melaka

Tarikh : 7.5.21.